



ALBUM... Basiran (empat kanan) bergambar kenangan bersama Pegawai Utama UMS.



WATIKAH... Basiran (dua kiri) dan Dr Amran menandatangani watikah sambil diperhatikan Abdullah (kanan) dan Dr Shariff pada Majlis Perarakan Berjubah Graduan UMS-KAL, manakala gambar bawah Basiran dan Dr Amran bertukar-tukar watikah

UMS-KAL jana ekonomi, pembangunan Labuan

KEWUJUDAN Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) telah menjadi tumpuan pelajar dari Sabah, Sarawak, Semenanjung dan China untuk mengikuti bidang pengajian yang ditawarkan.

Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, Datuk Basiran Saban berkata kehadiran mereka telah memberi manfaat yang besar kepada Labuan kerana selain memartabatkan budaya ilmu, ia juga turut menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi tempatan.

Katanya, kehadiran pelajar dan tenaga pengajar dari luar kawasan Labuan telah membantu menjana ekonomi penduduk tempatan termasuk dari segi pengangkutan, restoran, penginapan, telekomunikasi, kraftangan, budaya, pertumbuhan penduduk, kemasyarakatan dan pembangunan Wilayah Persekutuan Labuan itu sendiri.

"Kehadiran pelajar bersama keluarga juga telah memberi kesan secara tidak langsung terhadap bilangan pengunjung ke Labuan dan dapat memperkenalkan Labuan kepada masyarakat luar," katanya berucap pada Majlis Perarakan Berjubah Graduan UMS-KAL kali kedua di Dataran Labuan, kelmarin.

Perarakan sejauh 2 kilometer yang bermula pukul 9 pagi itu diketuai Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMS, Profesor Dr Amran Ahmed yang mewakili Naib Canselor UMS, Brig Jen Profesor Datuk Seri Panglima Dr Kamaruzaman Ampon.

Seramai 412 peserta yang terdiri daripada murid Tadika, pelajar sekolah rendah dan menengah, pelajar Kolej Matrikulasi Labuan (KML) dan UMS-KAL serta Pensyarah Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan dan Sekolah



TELADAN... Pelajar UMS-KAL menjadi teladan kepada anak-anak tempatan. Manakala gambar bawah, pasukan PALAPES Udara UMS-KAL segak berpakaian TUDM dalam perarakan tersebut.



Sains Informatik Labuan menyertai perarakan berkenaan yang diiringi pasukan pancaragam PDRM Kontinjen Kepayan.

Pada majlis itu diadakan majlis menandatangani dan penyerahan

watikah antara UMS dan Perbadanan Labuan serta penyerahan kunci sebagai satu simbolik dan sijil kepada pelajar UMS-KAL.

Hadir sama Pegawai Utama UMS, Pendaftar UMS, Abdullah Mohd Said, Pengarah UMS-KAL, Prof Madya Dr Shariff Abdul Kadir Omang dan Pengerusi Majlis Penasihat Perbadanan Labuan, Datuk Yunus Kurus.

Basiran berkata majlis anjuran bersama UMS dan Perbadanan Labuan itu dapat meningkatkan imej Labuan sebagai pusat kecemerlangan pendidikan di peringkat universiti tempatan.

Katanya, sudah sampai masanya penduduk Labuan menetapkan matlamat sekurang-kurangnya satu keluarga mempunyai seorang anak kelulusan universiti.

"Sekiranya matlamat ini dapat dicapai, taraf ekonomi penduduk Labuan akan meningkat dan mengurangkan kadar kemiskinan di pulau ini. Saya berharap majlis itu dapat membuka mata ibu bapa mengenai pentingnya ilmu pendidikan kepada anak-anak," katanya.

Sementara itu, Dr Amran berkata majlis itu diadakan sebagai satu simbolik penerimaan masyarakat setempat terhadap populasi pelajar UMS-KAL yang terdiri daripada pelbagai kaum serta kampus itu yang terletak di pulau ini.

Beliau berharap pelajar UMS-KAL akan mengadakan aktiviti kemasyarakatan yang banyak memberi manfaat kepada penduduk setempat.

"Budaya ilmu yang dipelajari di universiti akan terus menjadi warisan untuk dikongsi dan diamalkan kepada masyarakat tempatan demi kepentingan generasi akan datang," katanya.



IRING... Pancaragam PDRM Kepayan mengiringi perarakan berjubah UMS-KAL 2010.



TURUT SERTA... Pensyarah SPKAL dan SSII menyertai perarakan sejauh 2 kilometer.

